

DIESEL BERKUALITI DENGAN KAD SHELL DIESEL SUBSIDI KERAJAAN

Kad Shell Diesel Subsidi Kerajaan diwujudkan khusus untuk individu atau syarikat dengan satu atau lebih kenderaan komersil untuk menikmati ganjaran dari Program Subsidi Diesel Kerajaan.

Individu dan syarikat yang layak boleh menikmati harga diesel yang lebih rendah di lebih daripada 800 Stesen Shell di seluruh Malaysia di bawah program subsidi ini.

Jimatkan perbelanjaan diesel sekarang! Terus bergerak ke hadapan dan nikmati keistimewaan Kad Shell Diesel Subsidi Kerajaan.



PROGRAM SUBSIDI DIESEL KERAJAAN

Berkuatkuasa 2006, kerajaan Malaysia akan memperkenalkan Program Subsidi Diesel dengan menawarkan harga diesel subsidi kepada sektor dan individu yang layak. Ini membolehkan pemilik dan pengguna kenderaan komersil yang layak menjimatkan kos penggunaan diesel.

SIAPAKAH YANG LAYAK MEMOHON?

Individu atau syarikat kecil atau besar dengan satu atau lebih kenderaan komersil boleh memohon; dengan syarat mereka menerima surat kelulusan daripada **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (MDTCA)**.

KEISTIMEWAANNYA

Kad Shell Diesel Subsidi Kerajaan menyediakan pelbagai keistimewaan untuk meningkatkan keperluan minyak anda:

- Akses mudah ke rangkaian stesen minyak terbesar.
- Nikmati Subsidi diesel serta merita apabila anda mengisi minyak di stesen Shell di seluruh negara.
- Nikmati kredit 30 hari*.
- Diesel subsidi mengikut had kuota anda.
- Kemudahan satu kad - Pembelian diesel pada harga biasa apabila melebihi had kuota.
- Urus niaga terjamin menggunakan PIN Keselamatan untuk mengelakkan penggunaan yang tidak diluluskan.
- Anda tidak perlu beratur dan tanpa kerehah. Pembayaran mudah dan cepat di pam.
- Nikmati kemudahan membeli pelincir di lebih 800 Stesen Shell di seluruh negara.
- Pilih daripada laporan** analisis kumpulan (fleet).

* Untuk pasca bayaran sahaja.

** Layak untuk Kumpulan sahaja.

JENIS KAD

Kad Shell Diesel Subsidi Kerajaan boleh didapati dalam pascabayar dan prabayar***.

Kad Pascabayar Shell Diesel Subsidi Kerajaan

- Disediakan untuk individu dan syarikat dengan tiga atau lebih kenderaan.
- Kemudahan mengisi minyak di lebih 800 Stesen Shell di seluruh negara.
- Mengisi minyak diesel sahaja.
- Nikmati terma kredit 30 hari.
- Harga subsidi mengikut had kuota diikuti harga biasa di pam.
- Nikmati kemudahan membeli pelincir di lebih 800 Stesen Shell di seluruh negara.
- Laporan urus niaga terperinci dan laporan analisis kumpulan melalui Kad Shell dalam talian.

Kad Prabayar Shell Diesel Subsidi Kerajaan

- Disediakan untuk individu dan syarikat dengan satu atau lebih kenderaan.
- Mengisi minyak diesel sahaja.
- Mudah menambah nilai.
- Harga subsidi mengikut had kuota diikuti harga biasa di pam.
- Kebebasan menentukan penggunaan diesel anda sendiri.
- Dapatkan mata ganjaran Bonuslink bila anda menambah minyak.
- Nikmati kemudahan membeli pelincir di lebih 800 Stesen Shell di seluruh negara.

***Pemilihan kad tertakluk kepada kelayakan pemohon yang ditentukan oleh Superkad Services Sdn Bhd.

APAKAH KOS YANG PERLU ANDA BAYAR?

Tiada yuran tahunan dan yuran keahlian.

CARA-CARA MEMOHON

Untuk mempercepatkan lagi proses dan kelulusan Kad Shell Diesel Subsidi Kerajaan dan menikmati barisan kredit+ yang lebih tinggi, sila lengkapkan borang permohonan (syarikat / individu) dan hantarkan bersama dokumen yang diperlukan.

+Tertakluk kepada kriteria kelulusan kredit dalaman Superkad Services Sdn Bhd yang lengkap.

1. PERMOHONAN SYARIKAT

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

PASCABAYAR

Sdn Bhd / Bhd

- Borang 9, 24, & 49 terkini
- Penyata bank 3 bulan terkini
- Laporan Audit terkini
- Surat kelulusan Subsidi MDTCA

Persendirian / Perkongsian

- Sijil Pendaftaran Perniagaan
- Penyata bank 3 bulan terkini
- Laporan Audit terkini
- Surat kelulusan Subsidi MDTCA

PRABAYAR

Sdn Bhd / Bhd

- Borang 9, 24, & 49 terkini
- Surat kelulusan Subsidi MDTCA
- Cek

Persendirian / Perkongsian

- Sijil Pendaftaran Perniagaan
- Surat kelulusan Subsidi MDTCA
- Cek

2. PERMOHONAN INDIVIDU

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

PASCABAYAR

- Salinan Kad Pengenalan
- Borang J atau Borang BE dengan slip pembayaran Bank / resit LHDNM
- Penyata bank 3 bulan terkini / buku pas simpanan
- Surat kelulusan Subsidi MDTCA

PRABAYAR

- Salinan Kad Pengenalan
- Surat kelulusan Subsidi MDTCA
- Cek (pilihan)

CARA-CARA MENGISI BORANG PERMOHONAN**

SYARIKAT

1. Nyatakan Nombor Pendaftaran Kenderaan.
2. Nyatakan Model dan Jenama Buatan Kenderaan.
3. Nyatakan jika trak melebihi 3.5 tan
4. Nyatakan jabatan / cawangan yang menggunakan kenderaan. (Hanya perlu jika anda ingin Laporan Ringkasan Pusat Kos yang berasingan)
5. Nyatakan jika bacaan odometer diperlukan.
6. Nyatakan jika pembelian pelincir dibenarkan.
- 7 - 8. Nyatakan had pembelian bulanan dan harian (jika perlu)

INDIVIDU

1. Nyatakan Nombor Pendaftaran Kenderaan.
2. Nyatakan Model dan Jenama Buatan Kenderaan.
3. Nyatakan jika trak melebihi 3.5 tan.
4. Nyatakan jika bacaan odometer diperlukan.
5. Nyatakan jika pembelian pelincir dibenarkan.
- 6 - 7. Nyatakan had pembelian bulanan dan harian (jika perlu)

** Sila rujuk kepada Borang Permohonan Syarikat/Individu yang dilampirkan.

HANTARKAN BORANG PERMOHONAN ANDA KE:

SUPERKAD SERVICES SDN BHD (335679-T)

Anak syarikat Shell Malaysia Trading Sdn Bhd

Tingkat 7, Tower 2, Kelana Brem Tower, Jalan SS7/15 (Jln Stadium), 47301 Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-7494 8181
Laman web: www.shell.com.my/shellcard